

Perkembangan Tasawuf dan Tarekat di Negeri Kelantan

[The Development of Sufism and Orders in Kelantan]

Abdul Ghani bin Muhamad¹ & Nik Yusri bin Musa²

¹ (Corresponding author) Human Development, Faculty of Language Studies and Human Development, University Malaysia Kelantan. Locked Bag o1. 16300. Malaysia. E-mail: ghanimuh45@gmail.com

² Faculty of Language Studies and Human Development, University Malaysia Kelantan. Locked Bag o1. 16300. Malaysia. E-mail: nikyusri@umk.edu.my

ABSTRACT

Sufism is one of the disciplines within the Islamic scholarly civilisation. Sufism is a teaching that finds its foundation in both theory and practice. Theoretically, the formulation originates from the verses of the Quran and the Sunnah of the Prophet Muhammad (peace be upon him). In contrast, from a practical aspect, it is based on verses and hadith that encourage remembrance of Allah, the Creator and Administrator of the entire universe. Islamic scholars rooted this discipline during the golden age of material civilisation in the Islamic world. These scholars urged Muslims to remain focused on Allah SWT, the Giver of blessings (Mun'im), rather than becoming distracted by their blessings. From this foundation, they based their call on the lives of the Prophet Muhammad (peace be upon him), his companions, the tabi'in, and the atba' al-tabi'in. The Islamic world has witnessed a winding and varied development period for the discipline of Sufism, which has also impacted Nusantara, generally, and Kelantan, specifically. The objective of this study is to identify the development of Sufism and tariqat in the state of Kelantan, including its history, figures, understanding, types of tariqat, and the books used as references in the teaching of Sufism and tariqat. The research methodology was based on a qualitative approach using a bibliography, review, and analysis of documents related to the discipline of Sufism. The study results found that Sufism prevalent in Kelantan is Sunni Sufism, first introduced in the 14th century AD and spread widely in the 18th to 20th centuries AD. Currently, the rapid decline in its development coincides with the passing of the shaykhs, or teachers of the hut schools.

Keywords: *Sufism, Tariqat, Dhikr, Sheikh*

ABSTRAK

Tasawuf adalah salah satu disiplin ilmu dalam peradaban keilmuan Islam. Ia juga salah satu ilmu yang berterasaskan teori dan amali. Dari aspek teori ia merupakan rumusan daripada ayat-ayat al-Quran dan juga sunnah Rasulullah SAW, manakala

dari aspek amali pula ia berasaskan kepada ayat dan hadith yang menggalakan berzikir mengingati Allah sebagai al-Khaliq dan Pentadbir seluruh alam. Disiplin ilmu ini berakar umbi daripada seruan para ulama Islam pada zaman kegemilangan tamadun kebendaan dalam dunia Islam. Para ulama tersebut menyeru umat Islam agar usah terleka dengan segala ni'mat kehidupan yang dimiliki sehingga lupa kepada pemberi nikmat (*mun'im*) iaitu Allah SWT. Bertolak dari asas tersebut maka kehidupan Rasulullah SAW, para sahabat, tabiin dan tabi tabiin dijadikan asas seruan mereka. Disiplin ilmu tasawuf melalui period perkembangan yang berliku dan beragam dalam dunia Islam yang mana tempiasnya juga dirasai di nusantara umumnya dan di Kelantan khususnya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti perkembangan tasawuf dan tarekat di negeri Kelantan tentang sejarah perkembangannya, tokoh-tokohnya, kefahamannya, jenis-jenis tarekat, kitab-kitab yang dijadikan rujukan dalam pengajaran tasawuf dan tarekat. Metodologi kajian ini adalah berasaskan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah bibliografi, tinjauan dan analisis dokumen berkaitan disiplin ilmu tasawuf. Hasil kajian mendapati bahawa amalan tasawuf yang tersebar di Kelantan ialah tasawuf Sunni, ia mula diperkenalkan pada abad ke-14 Masihi dan tersebar luas pada abad ke-18 hingga abad ke-20 Masihi. Kini perkembangannya mula menyusut dengan cepat selepas kematian guru-guru sekolah pondok yang digelar sebagai syeikh.

Kata kunci: Tasawuf; Tarekat; Pusat; Tokoh; Syeikh.

How to Cite:

Received: 16-10-2024
Revised: 24-11-2024
Accepted: 29-11-2024
Published: 30-11-2024

Muhamad, A. G. & Musa, N. Y. (2024). Perkembangan Tasawuf dan Tarekat di Negeri Kelantan. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 283-303.

1. Pendahuluan

Amalan bercorak tasawuf sudah wujud sejak zaman Nabi SAW, diikuti generasi para sahabat, tabiin dan pengikut tabiin. Mereka yang mengamalkannya lazim dikenali sebagai '*Ubbad*' atau '*Zuhhad*' dan tidak memakai istilah tasawuf. Imam Al-Nawawi berkata: "Adapun perkataan tasawuf, para penulis telah sepakat dalam hal ini: Ia adalah salah satu perkataan istilah yang muncul pada penghujung abad kedua Hijrah". (al-Kalabadi, 2011). Dalam ilmu tasawuf juga terdapat istilah 'tarekat' yang mewakili aspek pengamalan dan pentarbiahan kerohanian Islam, ia merupakan suatu kaedah yang teratur dan berfokus disusun oleh syeikh-syeikh tasawuf untuk melatih dan mendidik jiwa muridnya kembali kepada fitrah penciptaannya (Zaman et al. 2023). Namun, tidak semua ulama menerimanya sebagai ajaran Islam (Fauzinaim & Muhammad Khairi, 2021).

Pada penghujung kurun ke-3 Hijri dan berikutnya, sebahagian besar ilmu dan amalan tasawuf telah didukung oleh para ulama di Timur Tengah seperti Mekah, Madinah, Iraq, Khurasan, Mesir dan Afrika. Ini dapat dibuktikan dengan kewujudan tokoh-tokoh besar tasawuf di negara-negara tersebut seperti Zu al-Nun al-Misri (157-245H), Al-Junaid (+220-297H), Al-Ghazali (450-505H), dan termasuk juga para ulama Melayu dari Asia Tenggara antaranya Syeikh Daud al-Fatani (1720-1879M) dan Wan Ali Kutan (1820-1913M) yang menetap dan menuntut ilmu di Mekah. Kemudian tasawuf dan amalannya berkembang ke negara-negara lain termasuk Asia Tenggara atau Nusantara. Nusantara bermaksud negeri-negeri di sebelah timur tanah besar Asia iaitu Semenanjung Indo-China, Kepulauan Indonesia termasuk Tanah Melayu dan kepulauan Filifina dan seterusnya ke negeri Kelantan.

Dalam konteks ini, terdapat beberapa penyelidik terdahulu telah membuat kajian tentang tasawuf dan tarekat tetapi tidak menyentuh secara khusus perkembangan tasawuf dan tarekat di Kelantan. Antara kajian berkenaan seperti Abdullah Hawash (1980), Che Zarrina Sa'ari (2001 & 2002, Rosni Wazir (2020), Fauzinaim Badarudin (2015 & 2021), Riduan Makhtar et al. (2019), Kamarulnizam Sani (2016) dan lain-lain. Justeru, kajian ini dikemukakan bagi membincangkan '*Perkembangan Tasawuf Dan Tarekat Di Negeri Kelantan*'. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka perkembangan tasawuf dan tarekat di negeri Kelantan sahaja dari beberapa dimensi. Justeru, kajian ini turut bertujuan memaparkan keutuhan sejarah pembangunan insan di negeri Kelantan, khususnya dalam aspek tasawuf. Semoga hasilnya dapat membantu masyarakat dalam menilai dan memilih ilmu tasawuf dan tarekat yang menepati syarak untuk diamalkan.

2. Sorotan Literatur

Tarikh sebenar kemasukan Islam ke Alam Melayu sukar ditentukan (Arnold, 1913). Tetapi orientalis Belanda Snouck Hurgronje menyatakan Islam datang ke Nusantara dari Gujerat India pada kurun ke-13 Masihi (Hamzah, 2011). Demikian juga tarikh kemasukan Islam dan tasawuf ke Kelantan sukar ditentukan. Walau bagaimanapun menurut kajian Farrah Wahida dan Pertubuhan Kerabat Keturunan Wan, penemuan dinar emas di Kota Kubang Labu Kota Bharu dan pembinaan Masjid Kampung Laut Tumpat oleh seorang pendakwah sufi Sayyid Al-Husain Jumadil Kubra merupakan bukti bahawa Kelantan telah menerima Islam dan tasawuf sejak kurun ke-14 Masihi atau sebelumnya. Sayyid Al-Husain tiba di Kelantan pada tahun 1349 Masihi (Farrah, 2021 & Pertubuhan Kerabat Keturunan Wan, 2011).

Dalam satu kajian bertajuk, '*Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu, Tokoh-tokoh Dan Karyanya*', antara perkara yang disentuh adalah kemasukan tasawuf di alam Melayu, tokoh-tokoh dan karya-karya mereka. Menurutna kemasukan tasawuf ke alam Melayu adalah hasil usaha pendakwah sufi yang datang ke sini sebagai 'pedagang' dan 'kawan' dengan cara aman dan berakhlak mulia sehingga masyarakat di sini tertarik dan dengan mudah menganut agama Islam. Dengan ini Islam dan tasawuf terus berkembang di rantau ini (Wazir, 2020). Dalam kajian Zulkefli Aini, et al (2018) bertajuk, '*Pendekatan Dakwah Al-Wasatiyyah Syeikh Abdul Rauf Ali Al-Fansuri*', mereka membicarakan konflik dari pertembungan antara dua aliran para pendakwah sufi yang menguasai pelbagai disiplin ilmu termasuk ilmu tasawuf. Perbezaan dalam pemahaman dan penafsiran ilmu tasawuf menyebabkan wujud dua aliran tasawuf; tasawuf Sunni dan tasawuf Falsafi. Untuk mengendurkan konflik ini Syeikh Abdul Rauf Ali Al-Fansuri membawa pendekatan dakwah *wasatiyyah*. (Aini et al., 2018). Tasawuf Sunni mengimbangi antara tasawuf dengan syariat, manakala tasawuf falsafi diserapi unsur-unsur asing yang diragui kemurniannya (Wazir, 2016). Kemudian tasawuf terus berkembang hingga kini kerana didorong oleh keperibadian pendakwah sufi dan interaksinya dengan objek dakwah (Hamzah, 2011).

Mengenai tarekat, satu kajian yang bertajuk '*Autoriti Sanad Tarekat Dan Peranannya Dalam Ilmu Tasawuf*', telah membicarakan kedudukan sanad tarekat sufi dan peranan sanad dalam tarekat sufi. Hasil kajian mendapati sanad tarekat sufi berasal dari tradisi Islam. Tidak dapat disangkal ia memiliki sifat autoritatif, bukan rekaan para *masyayikh* tarekat, kedudukannya sama dengan sanad ilmu-ilmu agama yang lain seperti akidah, fikah, qira'at dan lain-lain (Badarudin, 2021). Kajian Che Zarrina Sa'ari (2001 & 2002) pula membahaskan perkembangan Tarekat Ahmadiyah di negeri Kelantan dengan mengkhususkan perbincangan kepada: Mekah sebagai pusat ilmu dan kegiatan tarekat dan peranan beberapa orang ulama seperti Tuan Tabal, keluarga Tuan Tabal, Haji Said Linggi, Abu Hasan Al-Azhari dalam perkembangan tarekat Ahmadiyah di Kelantan. Seterusnya beliau membicarakan tentang Pusat Gerakan Tarekat Ahmadiyah di Bukit Abal, Pusat Gerakan Tarekat Ahmadiyah di Kampung Laut dan Pusat Gerakan Tarekat Ahmadiyah di Kampung Atas Banggol (Che Zarrina, 2001).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di samping menggunakan kaedah kepustakaan dengan menumpukan kepada bahan-bahan dokumentasi yang terpilih dari perpustakaan, dan juga kaedah tinjauan amalan masyarakat, tempat-tempat suluk, laman sesawan dan lain-lain. Kaedah-kaedah tersebut

bertujuan mengumpul data dan maklumat yang relevan dengan topik dan persoalan kajian untuk dianalisis bagi mencapai objektif kajian. Data dan maklumat itu sama ada daripada yang bertulis seperti tesis, buku, artikel, maklumat di lapangan dan lain-lain akan diteliti dan dipilih mana-mana yang bersesuaian dengan topik kajian. Metode ini digunakan oleh penulis untuk merangka teori terhadap perkembangan tasawuf dan tarekat di negeri Kelantan.

4. Dapatan dan Perbahasan

4.1 Perkembangan Tasawuf dan Amalannya di Nusantara

Sarjana kesusasteraan Melayu di Rusia, Vladimir I Braginsky (1993) profesor kesusasteraan Melayu di Universiti Negeri Lomonosov, Moscow, pada pengantar bukunya “*Tasawwuf dan Kesusasteraan Melayu*” berpendapat, mubaligh sufi yang memiliki tabiat kesufian telah berjaya menyebarkan Islam di Nusantara ini. Pendapat Braginsky itu selari dengan pandangan Abu Hassan Sham (1980) yang menyatakan tindakan mereka yang aman, bertolak ansur dan harmoni bukan konfrontasi menggunakan tentera dan senario aman di Nusantara dengan pendekatan sosial yang menekankan keserasian agama Islam dengan keadaan masyarakat setempat, mereka berjaya mengislamkan ramai orang Melayu Nusantara. Dengan itu tarekat turut berkembang di seluruh Nusantara (Zakaria, 2012).

4.2 Perkembangan Tasawuf dan Tarekat di Kelantan

Secara ringkasnya perkembangan ini dibahagikan kepada dua.

a) Perkembangan Tasawuf dan Tarekat Peringkat Awal di Kelantan

Sewaktu perkembangan Islam di Alam Melayu, terdapat tokoh-tokoh terkenal antaranya Sayyid Al-Husain (1270-1453M) atau dikenali sebagai Sayyid Husain Jamaluddin al-Akbar atau Sayyid Husain Jumadil Kubra, atau Sayyid Al-Akbar dan zuriatnya yang dikenali sebagai “*Wali Songo*” (Pertubuhan Kerabat Keturunan Wan, 2011). Beliau wafat ketika berusia 183 tahun dikebumikan di hadapan sebuah masjid di Jalan Masjid Tua, Desa Teroja, Kacamatan Manjeulang, Kabupaten Wajo, Provinsi Sulawesi Selatan. Perkembangan Islam secara berkesan bermula dengan kedatangan Sayyid @ Syeikh Husain Jumadil Kubra ke Asia Tenggara. Beliau adalah anak sulung kepada Maulana Ahmad Sayyid (Ahmad Shah Jalal) dari wilayah Deccan,

India Selatan, India. Sayyid Husain Jumadil Kubra mempunyai 11 orang saudara lelaki.

Pada pertengahan abad ke-14 Masihi beliau bersama adik-adiknya iaitu Syarif Qamaruddin, Sayyid Majduddin dan Sayyid Tsana'uddin belayar menuju Samudra-Pasai dalam misi dakwah Islamiyah. Beliau dan adik-adiknya tidak tinggal lama di situ kerana pergolakan politik. Pada tahun 1349 Masihi, mereka mengambil keputusan berpindah dan belayar menuju ke suatu wilayah yang diperintah oleh Kerajaan Cermin (Kelantan tua) di Semenanjung Tanah Melayu. Pemerintahnya ialah Raja Bharubhasa. Dalam pelayaran itu mereka diuji dengan ribut dan gelombang besar, lalu Sayyid Husain bernazar akan membina sebuah masjid jika mereka selamat mendarat. Rombongan ini dapat mendarat di Tumpat, Kelantan. Nazar ditunaikan dengan membina sebuah masjid di Kampung Laut, Tumpat dan masjid itu dikenali dengan nama Masjid Kampung Laut. Masjid itu telah dipindah ke Nilam Puri kerana hakisan banjir, dan sekarang ia telah di pindah semula ke lokasi asalnya di Kampung Laut.

Setelah selesai membina masjid, rombongan tersebut mudik ke hulu Sungai Kelantan untuk mengadap Raja Bharubhasa yang bersemayam di kawasan Danau Tok Uban sekarang. Dalam pelayaran mudik, rombongan itu berhenti dan berteduh di Bukit Panau Tanah Merah untuk bersuluk. Bukit ini berhampiran dengan Sungai Kelantan. Memandangkan kumpulan dakwah ini daripada keturunan mulia dari Kesultanan Delhi mereka disambut dengan penuh kemuliaan oleh Raja Bharubhasa dan baginda mengahwinkan Sayyid Husain dengan adik bongsunya Puteri Linang Cahaya. Dari perkongsian ini mendapat seorang anak lelaki Sayyid Barakat Zainal Alam dan seorang anak perempuan Siti Aisyah. Pada tahun 1355 Masihi, Sayyid Husain berkahwin lagi dengan Puteri Ramawati iaitu Puteri Raja Champa Sultan Zainol Abidin, mereka dikurniakan seorang anak lelaki iaitu Sayyid Ibrahim Asmoro @ Sunan Ngesik. Ketika berumur mencecah 80 tahun beliau berkahwin lagi dengan puteri Selindung Bulan iaitu puteri Sultan Baki Shah bin Raja Bharubhasa. Sayyid Husain menukar nama isterinya itu kepada nama bercirikan Islam dengan nama Puteri Syahirah. Pada tahun 1366 Masihi, puteri itu melahirkan seorang anak lelaki iaitu Sayyid Nurul Alam.(PPSK., 2014).

Zuriat Sayyid Husain adalah golongan pendakwah dari keluarga Rasulullah SAW menerusi Fatimah binti Rasulullah SAW dan Ali bin Abu Talib. Dipercayai bahawa beliau adalah cucu ke-19 Rasulullah SAW, (Latif, 2022) dan pewaris Kesultanan Delhi. Zuriat Sayyid Husain (Syekh Jamaluddin Al-Husain) terkenal di seluruh Nusantara khususnya di Jawa dengan gelaran Wali Songo. Cara dakwah mereka dengan mendekati Raja-raja dan rakyat jelata sangat berkesan.

b) Perkembangan Tasawuf dan Tarekat Peringkat Kedua

Perkembangan seterusnya lahir tokoh-tokoh seperti Hamzah Fansuri (hidup dalam abad 16 dan 17 Masihi), Syamsuddin al-Sumaterani yang hidup dalam abad 16 dan 17 Masihi, meninggal di Melaka, pengarang kitab ‘Mirat Al-Mukminin’, (Muhammad Irham, 2018) Nuruddin al-Raniri (...-1096H/1685M) meninggal di India, Abdul Rauf Singkel (1615-1693M), karyanya dalam tasawuf banyak, antaranya: ‘*Tanbih al-Masyi*’ (mengandung pengajaran tentang martabat tujuh). Jenazahnya dimakamkan di Aceh. Syeikh Yusuf al-Makasari (1626-1699M), (Compas.com, 2022), Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis) (1650-1736M), (Wazir, 2020) Abdul Samad al-Palembani (1704-1789), Syeikh Muhamad Arsyad al-Banjari (1710-1812M), (Lukman & Widaya, 2022), Syeikh Daud al-Fatani (1720-1879M), Manakala di Kelantan Haji Abdul Samad bin Muhamad Salleh al-Kelantani @Tuan Tabal (1840-1891M), Haji Wan Ahmad bin Muhamad Zain bin Mustafa al-Fatani (1856-1908M), Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi (1860-1916M), (Lukman & Nibras, 2022). Muhamad Yusuf bin Ahmad al-Kenali @Tok Kenali (1868/1870-1933M). Syeikh Muhamad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1893-1967M). Kesemuanya adalah tokoh-tokoh tasawuf tempatan dan didapati ramai lagi jika ditinjau di Jawa, Indonesia dan tempat-tempat lain.

Kalangan ulama inilah yang bertanggungjawab mengembangkan ajaran tasawuf dan tarekat di Kelantan sama ada secara langsung atau tidak, iaitu melalui karya mereka dan pengajaran mereka di Tanah Suci Mekah dan di Nusantara. Kaedah-kaedah yang digunakan oleh para syeikh yang mulia dalam mendidik murid-muridnya berbeza-beza mengikut cara hidup mereka yang berbeza, iaitu cita rasa rohani mereka dan persekitaran sosial. Kerana itulah dikatakan, bahawa jalan menuju Allah adalah sebanyak nafas makhluk (Marefa, t.th).

Lantaran itulah ajaran tasawuf dan tarekat yang sampai di Nusantara, khususnya di negeri Kelantan terdapat kepelbagaian, kerana pengambilannya mengikut pelbagai latar belakang syeikh. Dalam hal ini, setiap syeikh pula mempunyai pendekatan tersendiri dan tidak menuruti pendekatan syeikh lain sebelumnya.

4.3 Jenis-Jenis Tarekat di Kelantan

Menurut Dr. Sulaiman al-Baruhi (1965-2015) dalam “*Al-Thuruq al-Shufiyah fi Maliziya*”, terdapat sembilan tarekat disebarkan di Malaysia. Daripada sembilan tarekat itu hanya tiga sahaja yang popular dan yang benar-benar tersebar ajarannya di Malaysia iaitu Tarekat Naqsyabandiyah, Tarekat Qadiriyyah dan Tarekat Ahmadiyah.

4.3.1 Tarekat Naqsyabandiyah

Tarekat ini diasaskan oleh Syeikh Muhammad Baha'uddin Ahmad bin Muhammad yang masyhur dengan gelaran “*Syah Naqsyaband* (Raja Naqsyaband)” dan juga dengan gelaran “Muhammad al-Bukhari” (1389M), antara tokoh sufi terbesar. Dilahirkan di kampung Qasr al-‘Aarifan kira-kira empat batu dari Bukhara tempat kelahiran Imam Bukhari, di Uzbekistan. (Al-Saqaf, t.th). Dari Medan, tarekat ini masuk ke Malaysia melalui khalifahnyanya dan cawangan di Malaysia yang terdapat di pelbagai tempat. Antara yang masyhur ialah di Rawang (Selangor) dan Kota Bharu (Kelantan).

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) telah bermuzakarah pada tahun 2000 dan mengesahkan, bahawa “*Tarekat Naqsyabandiyah al-Aliyah*” bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah serta menyeleweng dari ajaran Islam. Datuk Wan Zahidi Wan Teh selaku pengerusinya berkata, status terkini mengenai Tarekat Naqsyabandiyah al-Aliyah Syeikh Nazim Al-Haqqani dibincang dan diputuskan dalam mesyuarat MKI ke-117 pada tahun 2020, ia dibenar untuk diamalkan pengikutnya selagi tidak bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah serta syariat dan uruf setempat.

Dengan itu, keputusan yang dibuat pada tahun 2000 mengenai Tarekat Naqsyabandiyah al-Aliyah tidak lagi terpakai. Seterusnya beliau menyatakan untuk melaksanakan keputusan ini adalah tertakluk kepada pihak berkuasa agama setiap negeri (Muzakarah MKI, 2020). Tokoh yang mengamalkan tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah sekarang ialah Syaikh Dr. Hj. Jahid bin Hj. Sidek al-Khalidi, pengasas dan Pakar Manarah, Pusat RSI (Refleksologi Spiritual Islam). Beliau merupakan syeikh bilangan ke-37 dalam: Silsilah Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah (Jahid, 2022).

Walaupun Tarekat Naqsyabandiyah pernah diamalkan oleh ulama besar Fatani dan Kelantan yang menetap di Mekah dan murid-murid mereka telah kembali ke tanah air dan beramal dengan tarekat tersebut tetapi ia tidak tersebar luas sebagaimana Tarekat Ahmadiyah, kerana tiada dukungan untuk meneruskan pengamalannya.

4.3.2 Tarekat Ahmadiyah di Kelantan

Di Kelantan, Tarekat Ahmadiyah dimulakan oleh Tuan Tabal (lahir 1816M, kemudian disambung oleh Sheikh Muhammad Al-Azahari bin Abdul Maula berasal dari Mekah, iaitu murid kepada Sheikh Muhammad bin Ahmad al-Dandarawi (1839-1909M) dalam ilmu tasawuf dan Tarekat Ahmadiyah (Ismail Che Daud, 2007). Beliau lebih muda daripada Syeikh Wan Ahmad Zain al-Fatani dan Tuan Tabal, ulama Melayu yang terkenal di Mekah, kerana

kedua-duanya seperingkat dengan Muhammad al-Dandarawi, mereka mendapat ijazah tarekat daripada Syeikh Ibrahim al-Rasyid (Ali Soleh Karrar, 1991 & Che Zarrina Sa'ari, 2002).

Sidi Muhammad Azahari bermusafir ke negeri Kelantan atas arahan Muhammad al-Dandarawi kerana gurunya telah mendapat maklumat tentang penyebaran Tarekat Ahmadiyah di Kelantan melalui usaha Tuan Tabal (Sedgwick, 2005). Ismail Che Daud menyatakan tarikh kedatangan Sidi Muhammad Azahari di Kelantan adalah sebelum tahun 1905 iaitu kedatangan Syeikh Muhammad Saed bin Hj. Jamaluddin (1875-1926M). Menurut Ismail Che Daud, setibanya Syeikh Muhammad Saed Linggi di Kelantan pada tahun 1905M, beliau mendapati Sidi Muhammad Azahari telah pun mengembangkan Tarekat Ahmadiyah di Pulau Kerbau, Kampung Laut dan di Kampung Langgar di sekitar Bandar Kota Bharu (Ismail Che Daud, 2012). Kemudian beliau berpindah ke Kuala Terengganu pada tahun 1924M (Mohd Sarim Mustajab, 1978 & Che Zarrina Sa'ari, 2001). Walaupun beliau mendapat layanan yang baik dari anak muridnya, beliau kemudian kembali ke Mekah di sana sehingga meninggal dunia pada tahun 1939M (Ismail Che Daud, tt).

Walaupun beliau berundur dari Kelantan namun murid-murid beliau tetap meneruskan legasinya. Murid-murid beliau ada tiga kelompok iaitu:

a) Kelompok perintis.

- i. Haji Nik Abdullah Khatib (1877M-1926M) bin Abdul Samad (Tuan Tabal). Beliau melanjutkan pelajaran di Mekah, dipercayai sempat berguru dengan beberapa orang guru antaranya Syeikh Wan Ahmad bin Wan Mohd Zain al-Fatani, Tok Wan Ali Kutan, Syeikh Hasbullah dan lain-lain (Mokhtar Lotfi Mohamed, Syed Hadzrul lothfi Syed Omar dan Mohd Alwee Yusoff, 2020; Ismail Che Daud, 2018 dan Hamdan Hassan, 1992).
- ii. Haji Ahmad Mannan. (...-1938M) atau Tok Manan sahaja atau Tok Jebeng kerana janggutnya yang lebat. Beliau telah membina sekolah pondok di tepi Jalan Merbau, dijadikan pusat pengajian dan juga pusat kegiatan Tarekat Ahmadiyyah (Ismail Che Daud, (1), 598-603; Mokhtar Latfi, Syed Hadzrul lathfi & Mohd Alwee, 2020).
- iii. Haji Muhammad Amin. Beliau juga dikenali sebagai Haji Che Min atau Haji Wak Min Bechah Keranji di kalangan persaudaraan Tarekat Ahmadiyah di Kota Bharu (Mokhtar Lotfi Mohammad et al., 2019).
- iv. Haji Awang Limbat (...-1934M). seorang guru pondok yang berwibawa di pondoknya di Limbat, Kota Bharu, kemudian berpindah ke Bukit Abal.

Beliau pengamal Tarekat Ahmadiyah yang dibimbing oleh Sidi Muhammad Azahari. Haji Awang Limbat adalah bapa mertua dan bapa saudara Haji Daud Bukit Abal (Ismail Che Daud, tt (1), 596-598).

- v. Haji Yaakub bin Haji Ahmad Gajah Mati (1895-1956M). Beliau melanjutkan pelajaran di Mekah selama lebih kurang empat tahun. Beliau diberi tanggungjawab yang besar dalam bidang agama (Ismail Che Daud, tt (1), 523-534). Beliau membina pondok yang terletak di kampung Gajah Mati, yang menjadi pusat pengajian dan pusat gerakan Tarekat Ahmadiyah. Beliau pernah belajar dengan Tok Khurasan ulama yang masyhur dalam bidang hadis (Fauzi bin Deraman & Mohd Asmawi bin Muhammad, 2910). Di akhir hayatnya, beliau telah menulis sebuah buku berjudul "*Cenderamataku*" yang memuatkan bacaan wirid-wirid "*Musabba'at al-Khadhiriyah*" (Ali Jumaat, 2017), iaitu himpunan wirid yang diterima daripada Sidi Muhammad Azahari (Mokhtar L.M., Syed Hadzrullathfi, Mohd Alwi, 2020).
- vi. Haji Abdul Salam bin Muhammad (1880-1962). Haji Abdul Salam bin Muhammad ialah seorang pengusaha ladang getah yang terkenal dan tersohor di Kota Bharu. Beliau telah menjadikan rumahnya sebagai surau yang terletak di belakang Pasar Kubang Pasu sebagai pusat kegiatan Tarekat Ahmadiyah. Halaqat zikir di Surau Haji Abdul Salam dikendalikan oleh Haji Abdul Salam dengan dibantu oleh menantunya Haji Abdullah Idris juga merupakan murid kepada Sidi Muhammad Azahari. Selepas kematian Haji Abdul Salam pada tahun 1962, kegiatan Tarekat Ahmadiyah bagi kumpulan Kubang Pasu semakin suram kerana menantunya tidak mahu memimpin tarekat (Mokhtar L.M., Syed Hadzrullathfi, Mohd Alwi, 2020).

Pada peringkat perintis ini kegiatan Tarekat Ahmadiyah di Kelantan bergerak lancar kerana dipimpin oleh guru-guru sekolah pondok yang berwibawa selain Haji Abdul Salam kerana pengaruh peribadinya.

b) Kelompok Pengukuh.

- i. Haji Nik Abdul Rahman Khatib (1911-1986M).
- ii. Haji Wan Mamat bin Sulaiman (1894- 1980-an M). Beliau penerus kepemimpinan perkumpulan Tarekat Ahmadiyah di sebuah surau di Kampung Laut (WordPress.com, 2012).

- iii. Haji Daud Bukit Abal (1903-1976). Beliau menghidupkan semula pondok peninggalan bapa mertuanya menjadikannya sebagai pusat gerakan Tarekat Ahmadiyah di Bukit Abal, antara gurunya Syeikh Ali al-Maliki, Syeikh Hassan al-Masyat, Syeikh Hassan al-Yamani dan Sidi Muhammad al-Azahari di Mekah (Tengku Yusof, 2020).
- iv. Haji Ghazali Pulai Condong (1916-meninggal ketika usia 53 tahun). Pernah berguru dengan Tok Kenali.
- v. Haji Abdullah Haji Idris (1909-1994M).
- vi. Haji Yaakub bin Saat (...-1989M). Beliau adalah menantu dan anak saudara Haji Muhammad Amin (Haji Che Min) tokoh penggerak Tarekat Ahmadiyah (Al-Basirah, 2020).

c) Kelompok Penerus.

- i. Haji Yahya bin Abdul Salam (1929-1993M). (Muhammad Yunan Mahmood, 2019).
- ii. Mustafa Al-Jiasi (1933-2016M).
- iii. Nik Mahmud Nik Kob (Al-Basirah, hal. 91-92).

Sidi Muhammad Azahari merupakan teras penting dalam usaha meneruskan penyebaran Tarekat Ahmadiyah di Kelantan yang dimulakan oleh Tuan Tabal. Beliau bersama Syeikh Haji Muhammad Linggi dan Haji Wan Musa bin Tuan Tabal mampu meningkatkan perkembangan Tarekat Ahmadiyah di Kelantan. Usaha ini diteruskan oleh muridnya Haji Ahmad Mannan, Tok Khatib Haji Nik Abdullah dan Haji Yaakub Ahmad Gajah Mati. Usaha Sidi Muhammad Azahari ini diteruskan oleh Haji Daud di Pondok Bukit Abal, Pasir Puteh Kelantan (Al-Basirah, hal. 93).

Sekumpulan penyelidik telah menemu bual tokoh akademik dan pengamal tarekat di Malaysia pada tahun 2015, seperti Haji Zaidi Hassan, Che Zarrina Saari, Haji Muhsin bin Abdul Rashid. Mereka mendapati pengaruh Tarekat Ahmad bin Idris masih berkembang di Kelantan dan diamalkan. Contohnya di Bukit Abal dipimpin oleh oleh Haji Mubarak bin Haji Daud, di Surau Haji Awang Banggol, Kota Bharu dipimpin oleh Haji Che Saari bin Hussain, di Salor, Kota Bharu dipimpin oleh Haji Zaidi bin Hassan dan di Padang Salim, Peringat dipimpin oleh Haji Muhsin bin Abdul Rashid (Faudzinaim Badaruddin, dll., 2015).

Walaupun kegiatan Tarekat Ahmadiyah di Kelantan masih diteruskan tetapi ia semakin suram dengan kewafatan para ulama pembimbing. Semakin kurang ulama pembimbing semakin lemahlah institusi tarekat itu seperti yang dapat dilihat pada kelompok pengukuh dan kelompok penerus itu.

4.4 Tempat Bersuluk atau Beruzlah di Kelantan

Di Kelantan terdapat satu tempat bersuluk yang masih kekal hingga sekarang dibina oleh Tuan Guru Tok Selehor Haji Abdul Rahman bin Haji Othman bin Muhammad Amin telah kembali ke rahmat Allah pada tahun 1935 Masihi. Tempat suluk ini dibina di dalam kawasan Tanah Perkuburan Selehor, Tumpat bersebelahan dengan Masjid Mukim Kok Pasir dan Pusat Pengajian Pondok Selehor. Tujuan pembinaan tempat suluk itu adalah untuk mengingatkan mati, berzikir, dan amalan-amalan bagi mengingatkan Allah.

Pendekatan Imam Al-Ghazali (450-505H) dalam suluk atau uzlah, terdapat empat cara (kaedah) yang dipakai. Ini dapat dilihat dalam bukunya "*Minhaj al-Bidin ila Jannat Rabb al-Alamin*", pada Bab Tiga: '*Aqabah al-'Awa'iq* (Aqabah Penghalang) yang membicarakan tentang "Uzlah dan Jalan-jalannya" iaitu;

Kaedah pertama: Dengan menjauhi orang.

Kaedah kedua: Memencilkan diri daripada masyarakat dan berada bersama mereka hanya pada masa-masa tertentu unyamanya ketika solat berjemaah, solat Jumaat dan ibadat-ibadat yang wajib bagi masyarakat (Makhtar et al., 2019).

Kaedah ketiga: Suluk atau uzlah seperti beberapa syeikh yang diam di kawasan Masjidil Haram yang mana mereka tidak bergaul dengan manusia kerana tanggungjawab dan mudarat lebih besar bagi mereka daripada pahala atau faedah yang diperolehi ketika bersama manusia. Imam Al-Ghazali memperakui kaedah uzlah atau suluk seperti ini dengan syarat yang ketat.

Semua tiga kaedah di atas merupakan kaedah umum bagi orang awam yang masih perlu mengasingkan diri kerana hasil uzlah yang masih belum sempurna.

Kaedah keempat: Satu lagi kaedah suluk atau uzlah yang lebih sempurna sebagaimana yang diamalkan oleh para nabi dan rasul serta orang-orang soleh iaitu mereka melakukan uzlah dalam masyarakat dengan melibatkan diri bersama mereka dalam semua amalan, sama ada pada ibadat khusus atau umum. Ini merupakan kaedah yang paling sempurna dalam bab uzlah atau suluk. Kaedah ini merupakan gabungan perhubungan dengan manusia serta hubungan dengan Allah SWT.

Kaedah kedua dan keempat telah diamalkan oleh Tok Selehor. Yang mana beliau mendirikan sebuah surau di tengah-tengah masyarakatnya serta

mengajar ramai orang di situ serta menunjukkan cara hidup beragama. Pada waktu tertentu beliau turun ber'uzlah seorang diri di tempat yang telah disediakan (Al-Ghazali, t.th).

Amalan bersuluk atau ber'uzlah sebegini pernah dibuat oleh para ulama terdahulu antaranya al-Hakim al-Tirmizi seorang imam, hafiz, arif, zahid. Beliau menggali lubang dalam tanah di suatu lokasi padang pasir di Tirmiz dengan kadar kedalaman lebih 25 anak tangga turun ke bawah. Kawasan tapak tempat suluk itu bersempadan dengan negara Afghanistan, ia masih dipelihara sehingga hari ini menjadi salah satu tempat kunjungan para pelancong dari dalam dan luar negara Uzbekistan. Pengkaji telah melihat sendiri tempat itu dalam satu lawatan ke Uzbekistan.

Ketika pengkaji dalam usia remaja (kira-kira di awal 1950-an), pengkaji pernah melihat tempat bersuluk seorang lebai yang dibina di belakang rumahnya di Kampung Bukit Marak, Kelantan. Tempat suluk itu dibuat daripada tanah liat yang mana ruang dalamannya hanya sekadar untuk berdiri, rukuk dan sujud dalam solat; tiada ruang untuk baring, yang ada hanyalah satu pintu sempit untuk keluar masuk dan tiada tingkap.

Selain itu ada beberapa tempat dijadikan tempat suluk seperti di bumbung Masjid Kampung Laut, di puncak Bukit Panau Tanah Merah, di puncak Gunung Reng Jeli dan di kaki Bukit Marak Bachok. Tempat-tempat suluk tersebut kini jarang digunakan sebagai tempat beribadat sebaliknya menjadi produk pelancongan.

4.5 Ajaran Sesat atau Tarekat Menyeleweng di Kelantan

Terdapat beberapa ajaran sesat yang tersebar di Kelantan dianggap sebagai ajaran tasawuf. Antaranya Ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau, Ajaran Ilmu Tajalli Ahmad Laksamana, Ajaran Martabat Tujuh, Al-Arqam, Golongan Anti Hadis, yang dikategorikan sebagai ajaran sesat atau meragukan (Hussain, 2010).

i. Ilmu Tajalli Ahmad Laksamana.

Kumpulan ini telah tersebar di Kampung Wakaf Stan, Kubang Kerian, Kelantan. Dalam buku "*Hakikat Insan, Rahsia Mengenal Diri dan Tajalli*" yang dikarang oleh Ahmad Laksamana mengandungi ajaran manusia itu sendiri adalah Tuhan. Pada 30 September 1995, Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Selangor telah mengeluarkan fatwa tentang kesesatan ajaran ini diwartakan pada 23 November 1995. No Warta: P.U.44. (Kamarulnizam Sani, 2016).

ii. Kumpulan Jubah Hijau (Kumpulan Tal Tujuh)

Ustaz Uthman El-Muhammady pernah terlibat dengan kumpulan Jubah Hijau yang berpusat di Tal Tujuh, Pasir Mas, Kelantan sejak tahun 1960-an. Setelah menyedari ada penyelewengan dalam kumpulan ini, beliau meninggalkannya. Kemudian Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Fatwa Kelantan memutuskan golongan ini membawa ajaran yang meragukan (Jabatan Mufti Kelantan, 2006).

iii. Tarekat Zikrullah Hasan Anak Rimau

Ajaran Hassan Anak Rimau berselindung di sebalik nama tarekat tasawuf. Selain nama Tarekat Zikrullah Hasan Anak Rimau, ada beberapa nama lagi diberi kepada kumpulan ini antaranya: Ilmu Isi, Ratib Kuat Tok Ayah Hassan, Zikir Kuat Haji Hassan, Tarekat Batin Pak Chu Hassan, Ilmu Sejati dan Ilmu Hakikat. Ajarannya tersusun daripada beberapa bahan daripada Animisme, Batiniyah, konsep *Wahdat al-Wujud* dan *Nur Muhammad*. Kumpulan ini berpusat di Kampung Bukit Mas dalam Jajahan Tanah Merah, Kelantan (Nawi @ Mohd Nawi, 2010).

iv. Ilmu Makrifat Tok Kenali

Jabatan Mufti Negeri Selangor memfatwakan: “Ajaran dan Fahaman “Ilmu Makrifat” (Mengenal Allah) dan ajaran dan fahaman “Mengenal Diri” iaitu ilmu atau ajaran peninggalan Tok Kenali Kelantan oleh Mohd Yusof Che Wook, adalah bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar (Mufti Selangor, 2023), kerana mengandungi elemen-elemen seperti yang berikut:

- (i) Berpegang kepada konsep *Wahdat al-Wujud* (kesatuan wujud);
- (ii) Berpegang kepada fahaman Jabbariah;
- (iii) Menafsir ayat Al-Quran mengikut logik akal;
- (iv) Berpegang kepada konsep Nur Muhammad;
- (v) Cuba menyebarkan fahaman pluralisme agama; dan
- (vi) Pembahagian ilmu syariat, hakikat dan makrifat yang meragukan”

Ilmu Tajalli Ahmad Laksamana, Kumpulan Jubah Hijau, Tarekat Zikrullah Hasan Anak Rimau dan Ilmu Makrifat Tok Kenali telah difatwakan oleh pihak berkuasa agama MAIK dan Mufti Selangor sebagai meragukan dan sesat. Kandungan amalannya meragukan, manakala pemimpin kumpulan bukan dari kalangan ulama.

4.6 Beberapa Ilmu Yang Sukar Difahami

Beberapa istilah tasawuf yang sukar difahami oleh kebanyakan orang turut tersebar di Kelantan. Ilmu-ilmu seumpama itu menjadi perdebatan di kalangan para ulama sepanjang zaman sehingga satu pihak menuduh pihak lain sesat atau kufur, demikian sebaliknya. Ilmu Hakikat dikatakan Ilmu Batin atau Ilmu Makrifat dan Ilmu Syariat dikatakan Ilmu Zahir.

Dalam *Nazam Hidayat al-Adzkiya'*, seperti dipetik dari Nu Online, dinyatakan hakikat adalah sampainya seorang *salik* (pengamal) pada maksud tujuan (iaitu makrifat Allah), seraya menyaksikan kilatan cahaya *ilahiyah*. Para sufi mendefinisikan hakikat adalah inti syariat, rahsia yang tersangat dalam dari sekalian amal, dan pengakhiran perjalanan seseorang sufi. Hakikat merupakan makna yang paling dalam dari amalan dan petunjuk yang terkandung pada syariat dan tarekat (Mabruri, 2022).

Syariat, tarekat, makrifat, dan hakikat adalah empat tingkatan spiritual umum dalam Islam. Syariat menduduki peringkat pertama dalam ilmu agama Islam, manakala tarekat dan makrifat berada pada tingkat kedua dan ketiga. Sedangkan hakikat yang menduduki tingkat keempat adalah teras wilayah hakikat sehingga kadang-kadang tiada kelihatan. Namun, setiap tingkatan adalah landasan menuju Allah. Oleh itu, adalah dianggap mustahil untuk seseorang itu mencapai tahap hakikat sekiranya dia belum menguasai tahap sebelumnya (Indriawati, 2022).

Syariat (الشريعة) adalah undang-undang dan peraturan dalam agama Islam. Tarekat (الطريقة) boleh diertikan sebagai cara atau kaedah untuk mendekatkan diri kepada Allah. Makrifat (المعرفة) adalah tingkatan tasawuf yang berikutnya selepas tarekat. Makrifat dinyatakan sebagai ilmu yang berhasil melalui akal. Dalam erti kata lain, makrifat bermaksud tahap mengenal Allah secara dekat. Mana-mana orang sufi yang telah mencapai tahap makrifat dianggap dapat melihat Allah menerusi hatinya. Tahap makrifat juga disebut sebagai sebahagian daripada hakikat. *Hakikat* (الحقيقة) adalah peringkat terakhir Ilmu Tawasuf, iaitu peringkat seseorang sufi telah mencapai matlamatnya iaitu makrifat Allah. *Hakikat* boleh diertikan sebagai buah dari perjalanan seseorang dalam mencari Allah. Para sufi menyatakan bahawa peringkat akhir tasawuf ini ialah memahami hakikat sesuatu, umpamanya rahsia Al-Quran dan ilmu ghaib yang tidak dapat disingkap (Indriawati, 2023).

4.7 *Martabat Tujuh*

Ustadz Muhammad Uthman El-Muhammady telah membicarakan “Martabat Tujuh”, katanya: Imam Al-Ghazali telah membahagikan tasawuf dalam “*Ihya’ Ulum al-Din*” kepada dua bahagian; “*Tasawuf mu’amalat*” dan “*tasawuf mukasyafat*”.

Tasawuf mu’amalat ialah yang berkenaan dengan persoalan-persoalan seperti bersuci, beribadat, keperluan menghilangkan sifat-sifat yang buruk daripada diri dan menghiasi diri dengan sifat-sifat yang baik; termasuk juga soal-soal kehidupan seperti pernikahan, pencarian nafkah, kejiranan, dan yang berkaitan. Manakala perkara-perkara yang termasuk dalam bidang “*tasawuf mukasyafat*” adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan hakikat-hakikat roh dan jiwa, hakikat ketuhanan, hubungan Tuhan dengan alam dan hal ehwal alam yang kekal abadi. Katanya, pembicaraan tentang “*martabat tujuh*” ini boleh dikatakan termasuk ke dalam bidang “*mukasyafat*”.

Masyarakat perlu sedar bahawa perkara-perkara berkaitan dengan “*martabat tujuh*”, ilmu hakikat, ilmu makrifat, ilmu batin, *wahdat al-wujud*, *ittihad dan hulul* merupakan lubuk-lubuk tasawuf dan falsafah yang amat dalam dan luas, tidak sesuai untuk dibicarakan apatah lagi meyelaminya sedalam-dalamnya oleh orang-orang yang cetek pengetahuan agama lebih-lebih lagi orang-orang yang jahil. Untuk memahami konsep-konsep ilmu tersebut memerlukan persediaan ilmu berkaitan agama yang sangat tinggi dan mencukupi serta pemikiran yang amat tajam. Oleh itu orang awam dan orang-orang yang tiada latar belakang pendidikan agama yang mendalam, sepatutnya tidak menyelami lubuk ilmu semacam ini yang boleh membawa kepada kesesatan atau kekufuran.

4.8 *Buku-Buku Berkaitan Tasawuf Dan Tarekat Di Kelantan*

Buku-buku tasawuf banyak tersebar di Kelantan, sesetengahnya ada di pasaran, manakala yang lain dalam perpustakaan dan milik peribadi. Antara buku-buku tasawuf yang ada di pasaran di Negeri Kelantan ialah:

4.8.1 **Buku yang diajar kepada orang awam di masjid-masjid dan surau-surau**

- a) *Lum’at al-Aurad Doa Untuk Dunia dan Akhirat* (لُمَعَةُ الْأَوْزَادِ دَعَاءُ اِتِّتَوَقُّ) (دنیا دان أخیره), karya Syeikh Wan Ali bin Abdul Rahman al-Kelantani (1837-1913M).

- b) *Qathr al-Ghaisiyah fi Ilm al-Sufiyah* (فَطْرُ الْعَيْشِيَّةِ فِي عِلْمِ الصُّوفِيَّةِ), karya Husain Nashir bin Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari (1863-1936M).
- c) *Tajul 'Arus* (تَاجُ الْعُرُوسِ), karangan Tajuddin 'Athallah al-Sakandari (1250-1309M).
- d) *Tanbih al-Ghafilin* (تَنْبِيهُ الْعَافِلِينَ), karya Haji Abdullah bin Abdul Mukminin (...-...).
- e) *Minhaj al-'Abidin ila Jannah Rabb al-'Alamin* (مِنْهَاجُ الْعَابِدِينَ إِلَى جَنَّةِ رَبِّ الْعَالَمِينَ) karya Imam Al-Ghazali (450-505H).
- f) *Al-Jawahir al-Saniyah fi Syarh al-Aqid al-Diniyah wa Ahkam al-Fiqh al-Mardhiyah wa Thariq al-Suluk al-Muhammadiyah* (الْجَوَاهِرُ السَّنِيَّةُ فِي شَرْحِ الْعَقَائِدِ الدِّيْنِيَّةِ وَأَحْكَامِ الْفِقْهِ الْمَرْضِيَّةِ وَطَرِيقِ السُّلُوكِ الْمُحَمَّدِيَّةِ), karangan Syeikh Daud bin Abdullah, Fatani (1769-1847M).
- g) *Risalah al-Aqa'id wa al-Fawa'id* (رِسَالَةُ الْعَقَائِدِ وَالْفَوَائِدِ), karangan Haji Daud al-Libadi (1903-1976M), Bukit Abal.
- h) *Ihya Ulum Al-Din* (إِحْيَاءُ عُلُومِ الدِّينِ), karya Imam Al-Ghazali (450-505H).
- i) *Bidayat Al-Hidayah* (بِدَايَةُ الْهِدَايَةِ) karya Imam Al-Ghazali (450-505H).
- j) *Penawar Bagi Hati*, karangan Syeikh Abdul Qadir al-Mandili (1910-1965M).
- k) *Hidayat al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin* (هِدَايَةُ السَّالِكِينَ فِي سُلُوكِ مَسَلِكِ الْمُتَّقِينَ) karya Syeikh Abd Somad al-Palimbani (1704-1832M).

4.8.2 Buku yang diajar Kepada Para Imam dan Guru di sekolah-sekolah pondok

- a) *Syarah terhadap kitab Al-Hikam* karya Ibn Atha'illah al-Sakandari (1250-1309M), oleh Tok Pulau Manis (1650-an-1736M).
- b) *Iqazh al-Himam fi Syarh Al-Hikam* bagi Ibn Atha'illah al-Sakandari dan *Al-Futuh al-Ilahiyah fi Syarh al-Mabahits al-Asliyah* bagi Ibn Al-Bana al-Sarqusi, oleh Ahmad bin Muhammad bin Ajibah al-Hasani.
- c) *Riyadh al-Solihin* (رِيَاضُ الصَّالِحِينَ), karangan Imam Al-Nawawi (631H/1233M-676H/1278M).

- d) *I'ānah al-Mutawajjat al-Miskin ila Thariq al-Fath wa al-Tamkin* karangan Abu Al-Abbas Ahmad Zarruq al-Fasi (1442-1493M).
- e) *Al-Durr al-Nafis fi Bayan Wahidat al-Afaal wa al-Asma wa al-Sifat wa al-Zat* *Zat al-Taqdis* (الدُّرُّ النَّفِيسُ فِي بَيَانِ وَاحِدَةِ الْأَفْعَالِ وَالْأَسْمَاءِ وَالصِّفَاتِ) (وَالذَّاتِ ذَاتِ التَّقْدِيسِ), karangan Syeikh Muhammad Nafis bin Idris bin Husain al-Banjari (1735-1812M).

Kira-kira seratus tahun setelah wafatnya Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, Mufti Kerajaan Johor, Al-Sayyid Alwi Tahir al-Haddad mengeluarkan fatwa yang menyesatkan kitab “*Al-Durru al-Nafis*” karya ulama besar sufi dari Banjar itu. Sekian. (Hawash Abdullah, 1980).

Secara keseluruhannya, buku-buku tasawuf dan tarekat yang tersebut itu sesuai dibaca dan dipelajari oleh masyarakat kecuali ‘*Al-Durr al-Nafis*’ yang kandungannya sangat meragukan, malah difatwakan haram dibaca dan diajar oleh Mufti Johor. Semua kandungan kitab yang disenaraikan di atas itu, didapati tidak terkeluar daripada tasawuf manhaj Imam Al-Junaid dan Imam Al-Ghazali. Kitab-kitab tersebut masih diajar di beberapa masjid dan surau di Negeri Kelantan. Walau bagaimanapun kitab “*Al-Durr al-Nafis*” sedikit sahaja terkait dengan manhaj Imam Al-Ghazali iaitu di bahagian depan dan penghujung kitab. Dalam kitab ini ada membicarakan “*Martabat Tajalli (Tujuh Martabat Tanazul)*” dan “*Nur Muhammad*”. Kitab ini difatwakan haram diajar kepada orang awam.

5. Kesimpulan

Tokoh yang paling masyhur dan disegani pada peringkat awal memulakan penyebaran agama Islam dan tasawuf di Kelantan adalah Sayyid Jamaluddin al-Akbar atau Sayyid Al-Husain Jumadil Kubra. Beliau dan zuriatnya dikenali sebagai Wali Songo, mengajar kepada rakyat peribumi Nusantara akidah Sunni dan fikah Syafie secara fleksibel. Usaha memperkembangkan Islam dan tasawuf di Kelantan, pada abad ke-18 dan ke-19 Masihi dilakukan oleh tokoh-tokoh yang masyhur seperti Tuan Tabal, Sidi Muhammad Azahari seangkatan dengan Haji Wan Musa dan Tok Kenali. Mereka ini dipandang tinggi oleh masyarakat setempat. Kesan daripada usaha mereka itu, setiap masjid dan surau di Kelantan hingga hari ini masih kekal mengajar ilmu agama seperti akidah, fikah, ibadat dan tasawuf. Kitab-kitab tasawuf masih banyak di pasaran negeri Kelantan sama ada berbahasa Malaysia atau Arab. Namun, amalan bertarekat dan bersuluk kini semakin berkurang kerana kurang sambutan. Walau bagaimanapun orang-orang Kelantan kebanyakannya

berzikir dan berwirid selepas solat secara berkumpulan di masjid-masjid dan surau-surau atau bersendirian di rumah. Pada peringkat awal hanya Tarekat Ahmadiyah, Naqsyabandiyah dan Syathariyah disembarkan di Kelantan. Tapi yang berkembang dan kekal hingga hari ini hanyalah Tarekat Ahmadiyah, itu pun semakin kurang yang mendukungnya.

Akhirnya, masyarakat hendaklah sedar bahawa tasawuf dan tarekat itu penting, tetapi tidak semua yang datang atas nama tasawuf dan tarekat itu benar menepati syarak. Masyarakat disarankan supaya mengikuti tasawuf Sunni kerana ajarannya berdasarkan al-Kitab dan al-Sunnah, di samping itu janganlah mendekati tasawuf falsafah yang lazimnya mengharungi alam metafizik yang boleh menjerumuskan ke lembah kesesatan. Oleh itu, panduan daripada guru yang berkelayakan sangat penting untuk memahami tasawuf dan mengamalkan tarekat.

Rujukan

- Administrator (2022). *Syaikh Abdul Rauf Singkel : Riwayat Hidup dan Karya-karyanya*. Universitas Islam An Nur Lampung.
- Aini, Z., Sa'ari, C. Z. & Zulkifli, M. (2018), *Pendekatan Dakwah Al-Wasatiyyah Syeikh Abdul Rauf Ali Al-Fansuri (M.1693)*, Afkar Vol. 20 Issue I (2018): 179-212, h. 179
- Al-Ghazali, (t.th). *Uzlah dan Jalan-jalannya*. Kitab Minhaj al-Bidin. Terjemahan Abdul Ghani Jabal Maraqy, h. 65-71. Keluaran Jabal Maraqy Sdn Bhd, Cetakan Pertama, 2022
- Ali Soleh Karrar (1991). *Al-Tariqah al-Idrisiyyah fi al-Sudan*. Beirut: Dar al-Jayl, 1991, 61-69.
- Al-Kalabadi, A. B. M. (2011), *Kitab Al-Taaruf li Mazhab ahli al-Tasawwuf*, h. 4. Penerbit: Maktabah al-Khanji- Al-Qahirah, 2011.
- Al-Saqaf, A. A. Q. (t.th). *Bahauddin Al-Naqsyabandi Pengasas Tarekat Naqsyabandiyah*. Al-Dorar Al-Saniyah.
- Arnold, T.W. (1913), *The Preaching of Islam : a History of Propagation of The Muslim Faith*, cet.2, London : Constable & Company Ltd. , h. 363
- Badaruddin, F. & Mahyuddin, M. K. (2021), *Autoriti Sanad Tarekat Dan Peranannya Dalam Ilmu Tasawuf*. International Journal of Islamic Thought. Vol. 20: (Dec.) 2021. ISSN 2232-1314 e-ISSN 2289-6023, h. 34
- Badaruddin, F., Stapa, Z., Mahmood, A. R. & Mahyuddin, M. K. (2015), *Tarekat Ahmad B. Idris al-Fasi dan Pengaruhnya di Malaysia*. Akademika 91(1), 2021: 119-127, h. 123.
- Che Zarrina Sa'ari (2001). *Perkembangan Tarekat Ahmadiyah di Negeri Kelantan Darul Naim*. Journal AFKAR, 2, (2001), h.76.
- Che Zarrina Sa'ari (2002). *Perkembangan Tarekat Ahmadiyah di Negeri Kelantan Darul Naim*. Journal. AFKAR, 2, (2002), 61-86.
- Daud, I. C. (1006). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*, Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2007), h. 559.
- Daud, I. C. (1992), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, 596-598. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,
- Daud, I. C. (2012). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)* .(Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012), 219-220.

- Daud, I. C. (2018). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, 570-572.12 temu bual pada 17hb. Ogos 2018. Hamdan Hassan (1992). *Tarekat Ahmadiyah Di Malaysia Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*, 90. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Daud, I. C. (t.th). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, 523-534. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,
- Daud, I. C. (t.th). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*, (Kelantan: Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2007), 559.
- Daud, I. C. (t.th). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*, 559.
- Deraman, F. & Muhammad, M. A. (2010). *Maulana Tok Khurasan Dan Sumbangan Dalam Pengajian Hadis*. Seminar Serantau Ilmuan Hadis Dalam Peradaban di Alam Melayu, h. 43-44
- Farrah Wahida Mustafar (2021), *Penyebaran Islam Dalam Ketamadunan Melayu: Satu Tinjauan Awal Atas Masyarakat Melayu Di Kelantan*. Jurnal Tuah Gerbang Pengajian Psikologi Dan Pengurusan Insan . Institut Ketamadunan Melaka, Universiti Islam Melaka. e-ISSN 2756-8350, h. 1
- Hamzah (2011), *Peranan Dakwah Para Ulama Sufi Abad ke-17 dan Ke-18 Masihi Di Nusantara*. Tesis PhD UUM College Arts and Sciences Universiti Utara Malaysia, h. 2
- Hamzah (2011), *Peranan Dakwah Para Ulama Sufi Abad ke-17 dan Ke-18 Masihi Di Nusantara*. Tesis PhD UUM College Arts and Sciences Universiti Utara Malaysia, h. 275
- Hasib, K. (2015). *Menelusuri Mazhab Wali Songo*. Ma'had 'Aly Imam al-Ghazali, Karangnyar. Tsaqafah Jurnul Peradaban Islam. November 2015 TSAQAFAH 11(1):137 H. 142
- Hawash, A. (1980). *Perkembangan Ilmu Tasawuf dan Tokoh-tokohnya di Nusantara*. H. 107-122 . Penerbit: Al-Ikhlash 1980.
- Hussain, N. A. M. (2010). *25 Ajaran Difatwakan Sesat di Selangor*. MSTAR
- Ibrahim, A. Z. & Nor, M. R. N. (2021). *Tuan Tabal (M.1891) Dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Islam Di Tanah Melayu*. <https://eprints.um.edu.my/2021>
- Indriawati, T. (2022). *Apa Itu Syariat, Tarekat, Makrifat, dan Hakikat?*, Kompas.com
- Indriawati, T. (2023). *Apa Itu Syariat, Tarekat, Makrifat, dan Hakikat?*, Kompas.com
- Irham, M., (2018). *Biografi dan Pemikiran Syamsuddin Al-Sumatrani*. Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung.
- Ismail, N. @ M. N. (2010). *Ajaran Sesat Hasan Anak Rimau: Satu Sorotan*. myjurnal. Jurnal Penyelidikan Islam (Volume 23, 2010). H. 61
- Jabatan Mufti Kelantan (2006). *Ajaran Kumpulan Abdullah bin Muhammad Syarif Tal Tujuh Pasir Mas adalah ajaran yang meragukan*. Tarikh diwatakan Julai 2007. No. Rujukan: Kn. P.U. 18. Akta/Enakmen: Jil. 60. No: 14. Kategori: Akidah.
- Jahid (2022). *Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyyah. Instiitut Latihan Ilmu Tarekat (ILIT) Manarah*, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- Latif (2022), *Biografi Imam Husain Jamaluddin Akbar Jumadil Kubro*.
- Latif (2022). *Biografi Imam Husain Jamaludin Akbar Jumadil Kubra*. Laduni. Senin, 6 Juni 2022.
- Mahmood, M. Y. (2019). *100 Tokoh Guru Maahad Muhammadi*. H. 251-254.
- Makhtar, R., Latif, K. A., Hamid, N. A. & Laengkan, A. G. (2019). *Suluk Dan Penghayatan Tasawuf Tok Selehor @ Selehong*. Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3, Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor. 22 Oktober 2019. e-ISBN: 978 967 2122 78 4
- Mohammad, M. L. et al. (2019). *Temubual Rahimah Che Ibrahim*, temu bual pada 10hb. Mac 2019.

- Mohammad, M. L., Omar, S. H. S. & Yusoff, M. A. (2020). *Kesinambungan Legasi Sidi Muhammad Azahari dalam Sejarah Perkembangan Tarekat Ahmadiyah Kelantan*. Al-Basirah Jurnal. Vol. 10 No. 2 (2020).
- Mufti Selangor, (2023). *Ajaran dan Fahaman Ilmu Makrifat (Mengenal Allah) dan Ajaran dan Fahaman Mengenal Diri Iaitu Ilmu atau Ajaran Peninggalan Tok Kenali Kelantan oleh Mohd Yusof Che Wook*. Tarikh: 28/10/2023
- Mustajab, M. S. (1978). *Haji Wan Musa B. Abdul Samad-Ulama Islah di Kota Bharu*. Akademika, 12 (1978), 10.
- Muzakarah MKI. (2020). *Tarekat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Syeikh Nazim Al-Haqqani dibenar diamalkan di Malaysia*. BERNAMA 9/4/2022
- Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan (PPSK) (2014). [Siri 15] *Pengisahan Sejarah Kelantan Sayyid Husain Jamadil Kubra – Tiba di Kelantan pada 1349Masihi*.
- Pertubuhan Kerabat Keturunan Wan (2011), *Salsilah Keturunan Sayyid Husain Jamadil Kubra*.
- Salim, M. P. (2022). *Hakikat Adalah Kebenaran yang Sesungguhnya, Ini Kaitannya Dengan Syariat*. Liputan 6.com
- Sani, K. (2016), *Sejarah Perkembangan Tasawuf Dan Tarekat Di Malaysia*, academia.edu.
- Subroto, L. H. & Nailufar, N. N. (2022). *Syekh Ahmad Khatib Al-Minangkabawi, Khatib Masjidil Haram Dari Minang*. COMPAS. com
- Subroto, L. H. & Ningsih, w. L. (2022). *Biografi Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari*. COMPAS. com
- Subroto, L. H. & Ningsih, w. L. (2022). *Biografi Tokoh Indonesia: Yusuf Al-Makasari Ulama Indonesia Yang Berpengaruh Di Afrika*. Compas.com / Stori.
- Wazir, R. (2020). *Analisis Peranan Hati Oleh Al-Taftazani Di Dalam Huraian Tasawuf Hadis Al-Arba'in Alnawawiyah Dan Perbandingannya Dengan Hikam Melayu Tok Pulau Manis*. Wacana Tokoh & Kemasyarakatan Dalam Pengajian Islam, FPPI KUIS, h. 44
- Wazir, R. (2020). *Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu, Tokoh-tokoh Dan Karyanya*. Jurnal Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kuala Lumpur. Bil. 9, ISU II: 2016. ISSN 1823-7126/ e-ISSN 0127-8002, h. 177
- Wazir, R. (2020). *Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu, Tokoh-tokoh Dan Karyanya*. Jurnal Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kuala Lumpur. Bil. 9, ISU II: 2016. ISSN 1823-7126/ e-ISSN 0127-8002, h. 192
- WordPress.com (2012). *Perkembangan Tarekat Ahmadiyah di Kampung Laut*.
- Yusof, T. (2020). *Biografi Tuan Guru Haji Daud Bukit Abal | Syeikh Tarekat ...* Biografi Ulama. <https://www.youtube.com/watch?v=FXJI869YqM4>
- Zakaria, I. (2012), *Islam Dan Falsafahnya Dalam Kebudayaan Melayu*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 91 – 108.
- Zakaria, I. (2012). *Islam Dan Falsafahnya Dalam Kebudayaan Melayu*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 91 – 108. H. 99
- Zaman, R. K., Saleh, M. M., Ab Hamid, N. S., Mokhtar, K., & Jaafar, S. N. F. (2023). *Pemetaan Modul Usrah Rabbani KIAS dan Kepentingannya dalam Pemantapan Jati Diri Siswa: The Mapping of Usrah Rabbani KIAS Module and Its Importance In Strengthening Students' Self-Identity*. RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge, 4(2), 51-71.